



**KEMENTERIAN PERUMAHAN  
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

**MAJLIS PELANCARAN SKIM SEWA UNTUK DIMILIKI (*RENT TO OWN*)  
PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) TEHEL, BEMBAN, JASIN, MELAKA  
DAN PROGRAM PERUMAHAN RAKYAT (PPR) KRUBONG, KRUBONG,  
MELAKA**



Pada 28 Julai 2022 berlangsung Majlis Pelancaran Skim Sewa Untuk Dimiliki (*Rent To Own*) di PPR Tehel yang dirasmikan Ketua Menteri, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), YB Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican turut bersama-sama dalam majlis pelancaran ini. Selain daripada itu, Speaker Dewan Undangan Negeri (DUN) Melaka Datuk Wira Ibrahim Durum, Exco Pelancongan, Warisan dan Kebudayaan negeri Datuk Muhammad Jailani Khamis, Exco Perpaduan, Penerangan, Sumber Manusia dan Hal Ehwal Pengguna negeri Ngwe Hee Sem, Exco Kesihatan dan Anti Dadah Negeri Dr Muhamad Akmal Saleh serta Pengarah Eksekutif Lembaga Perumahan Melaka, Mohd Salleh Hamidom turut hadir bersama.

Semua penghuni kedua-dua PPR ini menyambut baik perkara ini yang mana ia merupakan langkah yang tepat untuk memiliki kediaman sendiri. YB Datuk Seri Reezal Merican menyatakan kerajaan akan terus memberi komitmen tidak berbelah bahagi dalam menyediakan program perumahan yang diberi nafas dan hala tuju baharu sesuai dengan keadaan semasa.

Beliau turut menegaskan “Kerajaan akan memastikan penyediaan PPR dengan subsidi yang cukup tinggi, memberi memfaat kepada rakyat yang memerlukan dan mengambil kira mobiliti sosial yang akan berlaku dalam jangka masa panjang”.

Untuk rekod, Kerajaan telah membelanjakan sebanyak RM354 juta untuk negeri Melaka bagi membangunkan enam buah PPR iaitu tiga projek dengan 1,436 unit kediaman telah siap dan diduduki iaitu PPR Sungai Putat, PPR Tehel dan PPR Krubong. Manakala, dua lagi projek dengan 375 unit kediaman sedang dalam pembinaan iaitu PPR Pulau Gadong yang dijangka siap pada Disember 2023 dan diikuti PPR Tangga Batu yang dijangka siap pada Januari tahun yang sama. Baki satu lagi projek pula adalah PPR yang bakal dibangunkan dengan 300 unit kediaman yang masih pada peringkat perancangan iaitu PPR Jasin.

